

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Tuan Nga Kor Ming**
KAWASAN : **TAIPING**
TARIKH : **02.11.2016 (RABU)**
NO. SOALAN : **28**

minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah tindakan dan rancangan segera yang akan diambil untuk mengatasi kemerosotan daya saing negara yang diumumkan oleh *World Economic Forum (WEF)* pada bulan September di mana kedudukan Malaysia telah jatuh dari tangga 18 ke 25 pada tahun ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Mengikut Laporan Tahunan Daya Saing Dunia (*Global Competitiveness Report*) 2016-2017 yang diterbitkan oleh Forum Ekonomi Dunia atau *World Economic Forum (WEF)*, dengan izin, Malaysia telah jatuh ke tangga 25 pada tahun ini daripada 18 pada tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, Malaysia kekal sebagai ekonomi paling kompetitif di kalangan negara membangun Asia dan berada dalam kalangan 25 ekonomi paling berdaya saing di dunia, mengatasi Republik Korea (ke-26), Iceland (ke-27), China

(ke-28) dan Arab Saudi (ke-29). Manakala di kalangan negara ASEAN, Malaysia berada di kedudukan ke -2, selepas Singapura dan mengatasi Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam, Viet Nam, Kemboja dan Laos. Sebahagian besar punca penurunan ini adalah disebabkan oleh ketidaktentuan ekonomi global, pengukuhan nilai dolar Amerika Syarikat, kejatuhan harga komoditi serta kelembapan ekonomi China.

Tuan Yang Di Pertua,

Menyedari kedudukan daya saing adalah penting dalam usaha negara mencapai status negara maju, Kerajaan akan mengambil beberapa pendekatan sewajarnya bagi menangani kekurangan yang dilaporkan. Dalam hal ini, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah dipertanggungjawabkan untuk bertindak sebagai *focal point* dan bekerjasama dengan semua kementerian serta agensi yang berkaitan untuk mengambil langkah-langkah strategik secara berterusan bagi meningkatkan daya saing serta mengukuhkan kedudukan negara. Antara langkah-langkah tersebut adalah:-

- i. Meneruskan kerjasama dengan kementerian dan agensi yang membekalkan data bagi memastikan data-data Malaysia adalah yang terkini, tepat dan menggambarkan keadaan yang sebenar melalui mesyuarat *Inter-Agency Planning Group* (IAPG);
- ii. Melaksanakan seranta awam secara berterusan dengan melibatkan semua pihak ke arah mempertingkatkan ketelusan, capaian fakta dan akauntabiliti. Program-program seranta kepada komuniti perniagaan

dan pihak media akan terus dipergiatkan melalui seminar, bengkel, kumpulan fokus yang berasaskan isu bagi memberi pendedahan mengenai situasi ekonomi semasa dan kepentingan daya saing supaya rakyat mempunyai gambaran persepsi yang lebih baik;

- iii. Memperkukuhkan hubungan strategik dengan organisasi antarabangsa seperti WEF, *Institute for Management Development (IMD)*, *Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)*, INSEAD, *International Monetary Fund (IMF)*, UNESCO dan sebagainya bagi memastikan cadangan atau isu-isu yang dikemukakan diberi pertimbangan yang sewajarnya. Di samping itu, kerjasama antara Rakan Institusi terutamanya di rantau Asia juga akan diperkukuhkan;
- iv. Meneruskan inisiatif-inisiatif yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) serta mengenal pasti bidang-bidang yang perlu ditambah baik bagi meningkatkan daya saing negara;
- v. Mempergiatkan Amalan Baik Peraturan (*Good Regulatory Practice - GRP*) yang menekankan kepada Impak Analisis Peraturan (*Regulatory Impact Analysis - RIA*), Memodenkan Pelesenan Perniagaan (*Modernising Business Licensing - MBL*) dan Mengurangkan Beban Peraturan Tidak Wajar (*Reducing Unnecessary Regulatory Burden - RURB*) bagi mewujudkan persekitan perniagaan yang lebih kondusif untuk komuniti perniagaan;

- vi. Mewujudkan pendekatan inovatif dengan menggunakan Strategi Lautan Biru (NBOS) dalam perancangan strategik projek berimpak tinggi, mengurangkan kos dan mudah dilaksanakan ke arah peningkatan daya saing negara; dan
- vii. Mempergiatkan usaha bagi meningkatkan produktiviti dan daya saing secara holistik di peringkat nasional, industri dan perusahaan menerusi program dan inisiatif yang bersepadu selaras dengan objektif *Malaysia Productivity Blueprint* (MPB) yang akan dilancarkan.

Dengan menyatukan usaha semua kementerian dan agensi ke arah meningkatkan daya saing serta penglibatan aktif daripada sektor swasta, Malaysia berupaya mewujudkan persekitaran yang lebih berdaya saing seterusnya mengekalkan status sebagai destinasi pelaburan pilihan.

SOALAN (29)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 2 NOVEMBER 2016
[SELASA]**

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH
[SETIU]**

SOALAN :-

Y.B. Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan langkah kawalan bagi memastikan harga jualan rumah tidak melambung tinggi di negara ini.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sektor perumahan bukan sahaja satu sektor yang pesat membangun tetapi ianya sangat dinamik dan *market driven*. Dalam memastikan kestabilan harga dan penawaran rumah di pasaran memenuhi kumpulan sasaran B40 dan M40, Kerajaan telah melaksanakan Dasar 1 Juta Rumah Mampu Milik (RMM) yang dijangka akan dicapai menjelang tahun 2018. Bagi mencapai matlamat ini kerajaan telah memberi tanggung jawab kepada beberapa agensi bagi membina RMM seperti PR1MA (500,000 unit), PPA1M (100,000 unit), SPNB (100,000 unit), KPKT (60,789 unit), Kerajaan Negeri (140,721 unit) dan sektor swasta (150,000 unit). Sehingga 30 Jun 2016, pencapaian pembinaan 1 juta RMM adalah 74.8% (875,770 unit).

Bagi meringankan beban kewangan pembeli rumah pertama, Kerajaan turut memperkenalkan insentif pembayaran deposit rumah melalui dua skim iaitu Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome) dan Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (MyDeposit).

Bagi Skim MyHome, kerajaan memperuntukkan RM30,000 yang akan dibayar kepada pemaju bagi rumah yang berharga diantara RM80,000 hingga RM300,000 seunit. Manakala bagi skim MyDeposit, Kerajaan menyediakan bantuan deposit sebanyak 10% atau RM30,000 (mana yang terendah) bagi pembelian rumah pertama (rumah baharu atau *subsale*) yang bernilai RM500,000 dan ke bawah.

Bagi memastikan lebih ramai rakyat untuk memiliki rumah, maka Majlis Perumahan Negara (MPN) menetapkan bahawa harga RMM hendaklah di bawah RM300,000. Untuk menjayakan usaha tersebut, kerajaan dalam Pengubahsuaian Bajet 2016 mengumumkan penjualan RMM diutamakan kepada pembeli rumah pertama sahaja.

Di bawah Bajet 2017, kerajaan juga telah mengumumkan akan membina lebih banyak RMM melalui *Government Link Company (GLC)*, menggunakan tanah-tanah kerajaan persekutuan yang dikenal pasti.

Tanggung jawab untuk menyediakan RMM ini bukan hanya beban kerajaan persekutuan semata-mata. Kerajaan negeri seharusnya memikul tanggung

jawab ini secara bersama, dengan mengurangkan kos-kos seperti premium tanah, caj pembangunan dan caj pematuhan. Sekiranya tanggung jawab ini dipikul bersama oleh kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri, maka saya yakin *cross subsidy* dapat dikurangkan dan secara tidak langsung harga rumah di pasaran akan dapat diturunkan serta meminimalkan kebarangkalian projek-projek perumahan terbengkalai.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kerajaan telah pun mengambil langkah kawalan berikut untuk mengawal harga rumah:

- a) Menaikkan kadar Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) mulai Januari 2014;
- b) Menaikkan harga jualan minimum rumah yang boleh dibeli oleh warga asing daripada RM500,000 kepada RM1 Juta seunit;
- c) Mensyaratkan pemaju untuk mempamerkan ketelusan harga jualan hartanah secara terperinci termasuk semua manfaat / insentif yang bakal diberikan kepada pembeli;
- d) Melarang pemaju melaksanakan kaedah pemasaran berasaskan *Developer Interest Bearing Scheme* (DIBS) mulai November 2013 bagi mengelakkan peningkatan kos jualan harga rumah dengan

- memasukkan kadar faedah tertunggak semasa pembinaan perumahan berkenaan;
- e) Mewajibkan semua pemaju untuk melaporkan pembelian pukal yang melebihi 4 unit hartanah dalam satu pemajuan oleh mana-mana individu mahupun syarikat;
 - f) Bank Negara telah mengeluarkan panduan mengenai *Loan To Value* (LTV) mulai tahun 2013 bagi pembelian rumah ketiga dan seterusnya di mana pembeli hanya akan memperoleh pinjaman maksima 70% sahaja; dan
 - g) Melaksanakan Moratorium selama 10 tahun bagi projek-projek Agensi Kerajaan seperti Program Perumahan Rakyat (PPR), MyHome, MyDeposit, PR1MA, PPA1M dan sebagainya.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2016